



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2612 5600

Fax: 603-2612 5620

Email: humanrights@suhakam.org.my

Web: www.suhakam.org.my

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SUHAKAM MEMUJI JAMINAN PM UNTUK TIDAK MEMPERKENALKAN UNDANG-UNDANG MENYEKAT HAK ASASI MANUSIA DAN KEBEBASAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) berbesar hati dan menyambut baik jaminan Perdana Menteri bahawa undang-undang yang akan menyekat hak asasi manusia dan kebebasan mahupun memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk menahan individu tanpa bicara tidak akan diperkenalkan dalam usaha Kerajaan memerangi jenayah. Suruhanjaya juga memuji Perdana Menteri kerana mengiktiraf keperluan untuk memastikan keseimbangan di antara hak asasi manusia dan kepentingan awam. Pendapat ini adalah selaras dengan pendirian konsisten Suruhanjaya dalam maklum balasnya ke atas cadangan untuk melaksana semula undang-undang penahanan pencegahan bagi menangani peningkatan jenayah dan juga amat selari dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah demokrasi yang menonjol dan berfungsi sepenuhnya serta sebuah negara maju dalam jangka masa yang tidak lama lagi.

Dalam menyokong janji Kerajaan untuk bertindak ke atas peningkatan kadar jenayah dan juga untuk memulihkan keselamatan awam, Suruhanjaya mengulangi harapannya agar sebarang langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih selamat, tidak dilaksanakan menerusi undang-undang penahanan pencegahan yang menjejaskan hak asasi orang ramai kepada kebebasan dan perbicaraan yang adil.

Suruhanjaya turut menyeru agar Kerajaan menjalankan satu kajian yang teliti dan mengkaji semula dasar keselamatan negara sebagai satu langkah bagi tempoh panjang untuk melindungi keselamatan awam sekiranya ia berpandangan bahawa undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengatasi peningkatan kadar jenayah.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Ogos 2013

*“Hak Asasi Untuk Semua”
“Human Rights For All”*